

**PENCAPAIAN PROGRAM PEMBANGUNAN TANAH HAK ADAT
BUMIPUTERA (HAB) DI SARAWAK TERHADAP PEMBANGUNAN SOSIO
EKONOMI PESERTA PRIBUMI IBAN**

**KAJIAN KES: BOUESTAD PELITA KANOWIT PLANTATION SDN BHD,
SIBU, SARAWAK**

DAVIDRAN SOMASUNDIRAM

Tesis ini dikemukakan sebagai memenuhi syarat penganugerahan
Ijazah Sarjana Muda Perancangan Bandar Dan Wilayah

**JABATAN PERANCANGAN BANDAR & WILAYAH
FAKULTI ALAM BINA
UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA**

NOVEMBER 2006

ABSTRAK

Pembangunan sektor pertanian adalah penting dalam menyumbangkan sumber pendapatan kepada masyarakat luar bandar. Pelbagai program pembangunan telah pun dan sedang dijalankan di seluruh negara. Tidak ketinggalan program pembangunan tanah Hak Adat Bumiputera (HAB) di negeri Sarawak. Strategi pembangunan ini digunakan untuk meningkatkan taraf sosioekonomi serta kualiti hidup masyarakat luar bandar khususnya masyarakat pribumi Sarawak. Tanah-tanah HAB ini bersaiz kecil dan tidak ekonomik untuk dibangunkan akan digabungkan dengan persetujuan pemilik tanah sebagai '*Bank Tanah*' untuk dibangunkan sebagai ladang komersial tanaman kelapa sawit oleh PELITA dengan menggunakan Strategi Pembangunan Secara Usaha sama (JVC) dengan pelabur yang dilantik kerajaan negeri Sarawak. Pendekatan ini bertujuan meningkatkan taraf sosioekonomi masyarakat pribumi di Sarawak. Oleh itu penilaian terhadap program pembangunan ini perlu dijalankan selaras dengan Pekeliling *SPA Bilangan 3 Tahun 2005 : Garis Panduan Penilaian Program Pembangunan* oleh Unit Penyelarasan Pelaksanaan (ICU) Jabatan Perdana Menteri bagi melihat matlamat serta objektif pembangunan yang dijalankan oleh Kerajaan tercapai atau sebaliknya. Hasil daripada penemuan kajian terhadap indikator pencapaian yang telah dibentuk didapati Program Pembangunan Tanah Hak Adat Bumiputera ini masih lemah serta kurang berkesan. Oleh itu beberapa cadangan berbentuk strategi dan program telah dikemukakan bagi memantapkan lagi pembangunan ini dalam meningkatkan sosio-ekonomi penduduk pribumi di kawasan luar bandar negeri Sarawak.

ABSTRACT

Agriculture sector is one of the main sources that generate income to the society in the rural area. Many programs have been implemented and some are on-going that have been dispersed throughout the country. In Sarawak the government has initiates the Development Program for the Native Customary Rights Land that is located in the rural areas. To boost the socioeconomic and improving the quality of life of the indigenous in rural areas this development strategy is being used. The uneconomic and small land will be combined as a '*Land Bank*' which is agreed by the landowners. It will be developed as a large scale plantation for palm oil through the Joint Venture approach by PELITA and the investor that has been appointed by the state government. Indirectly it will increase the socio-economic of the participants. In ensuring the mission and objective are achieved the valuation of the project should be done where the Malaysia Government has produce a circular regarding the valuation of development projects which can be found in the '*SPA Bilangan 3 Tahun 2005 : Garis Panduan Penilaian Program Pembangunan* oleh Unit Penyelarasan Pelaksanaan' by the Implementation Cordination Unit (ICU) in the Prime Minister Department. Based on the findings in the analysis where using the indicator measurement, it was found that the Development Program of the Native Customary Rights Land is still could not fulfill their socio-economy purposes. Hence, there are few proposals in the form of programs and strategies to be in place in the development. With this it can helps the Sarawak State Government and agencies involved to ensure this development will fulfill it goal in developing the natives in rural areas.